



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**KENYATAAN MEDIA**  
**KPWKM LANCAR INSENTIF**  
**PELAN PEMULIHAN EKONOMI JANGKA PENDEK (PENJANA) KUMPULAN**  
**SASAR**

**25 JUN 2020**

---

Sehubungan dengan pengumuman YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkenaan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek (PENJANA), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah melancarkan insentif PENJANA khusus untuk kumpulan sasaran KPWKM yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Mereka tergolong dalam kalangan ibu tunggal, kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan komuniti.

Sebanyak RM152 juta peruntukan telah diluluskan untuk kumpulan sasaran KPWKM yang layak. Dengan pelancaran ini, golongan ini boleh mula membuat permohonan bagi insentif-insentif yang telah diumumkan oleh Kerajaan melalui portal KPWKM di [www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my).

“Bagi pihak KPWKM, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan atas peruntukan khas yang telah diluluskan untuk kumpulan sasaran KPWKM dan juga pakej-pakej bawah PRIHATIN, di awal PKP, dan PENJANA yang terkini,” kata YB Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa merasmikan insentif PENJANA peringkat KPWKM bersempena Perhimpunan Bulanan KPWKM.

Sehingga 23 Jun 2020, 1,766 Taska telah mengemukakan permohonan yang melibatkan 1,475 Taska Institusi, 122 Taska di Tempat Kerja dan 169 Taska di Rumah. Bagi tujuan permohonan bantuan khas ini JKM masih membuka permohonan sehingga 31 Ogos 2020. Bagi permohonan Bantuan Khas Ibu Tunggal sebanyak 23,645 permohonan telah diterima sehingga 23 Jun 2020. Bantuan Khas lain-lain masih dibuka untuk permohonan.

“Saya menyeru kepada semua kumpulan sasaran di bawah KPWKM agar mengambil peluang untuk terus memperkasakan diri. Sesungguhnya peruntukan yang diberikan Kerajaan ini bukan saja dapat meringankan beban kumpulan sasaran dalam keadaan yang susah malah memberi impak positif kepada ekonomi dalam negara melalui kesan *spill-over effect*,” tambah beliau lagi.

Antara insentif tersebut adalah:

**(i) Bantuan khas kepada penerima bantuan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**

Seramai 190,000 OKU yang terdiri daripada penerima Bantuan Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Terlantar (BPT) sedia ada JKM akan menerima bantuan *one-off* sebanyak RM300.

**(ii) Bantuan khas kepada 2,000 sukarelawan yang membantu warga emas dan OKU bagi Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*)**

Diperuntukkan bagi golongan sukarelawan yang sentiasa bersama-sama KPWKM dalam membantu dalam penjagaan warga emas dan OKU di rumah.

**(iii) Geran khas kepada lebih 5,000 Taska yang berdaftar dengan JKM iaitu RM5,000 bagi Taska di Tempat Kerja dan Taska Institusi serta sebanyak RM1,500 bagi Taska di Rumah**

Geran khas ini disediakan bagi meringankan beban kos operasi Taska dalam mematuhi Panduan Pencegahan (SOP) Penularan COVID-19 Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bagi Keselamatan Warga Taska.

**(iv) Bayaran insentif sebanyak RM900 seorang kepada 10,000 peserta yang mengikuti Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP)**

Insentif yang diberikan ini adalah bagi memastikan kualiti pengasuhan yang tinggi dalam industri Taska.

**(v) Bantuan khas kepada NGO yang bekerja sama rapat dengan kerajaan sebanyak RM5 juta.**

Bantuan khas untuk pihak NGO yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) ini adalah bagi menggalakkan mereka untuk terus merancang dan melaksanakan program-program di peringkat akar umbi.

**(vi) Bantuan khas kepada ibu tunggal**

Bantuan *one-off* khusus untuk seramai 150,000 ibu tunggal sebanyak RM300.

Majlis pada hari ini juga meraikan pencapaian 100 hari kepimpinan KPWKM dan juga menghargai petugas barisan hadapan KPWKM yang telah memberi khidmat bakti dalam menangani penularan wabak COVID-19. Turut hadir pada majlis ini adalah YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin, Ketua Setiausaha KPWKM, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, pengurusan tertinggi serta pegawai-pegawai KPWKM.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PUTRAJAYA**